

Anggap diri sebagai 'rakyat Malaysia'

PM mahu belia kikis semangat kedaerahan

UM 16 MAY 1985

KUALA LUMPUR 15 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu belia mengikis perasaan kedaerahan atau kenegerian dan menganggap diri mereka sebagai 'rakyat Malaysia' bagi membina identiti Malaysia yang sihat serta murni.

Perdana Menteri berkata: "Dalam usaha kita untuk terus memajukan negara, kita hendaklah sentiasa berfikir dan menganggap diri kita sebagai rakyat Malaysia.

"Kita mestilah lebih mementingkan negara Malaysia secara keseluruhannya daripada mementingkan perasaan kedaerahan atau kenegerian."

Serentak dengan itu, beliau mencadangkan rancangan-rancangan belia hendaklah mengaitkan aspek pembinaan identiti Malaysia secara menyeluruh supaya perkembangan yang sihat dan murni tidak akan dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif.

Berucap di hadapan lebih 20,000 orang di perhimpunan belia sempena Hari Belia Antarabangsa di Stadium Negara di sini petang ini Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, para belia hendaklah memperbaiki strategi dan langkah serta meningkatkan penglibatan mereka dalam usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat dan negara yang lebih kukuh dan makmur.

"Untuk mencapai tujuan itu, apa yang lebih penting di kalangan belia ialah nilai - nilai sejagat atau nilai - nilai bersama seperti hormat - menghormati, cinta akan tanahair, ingin akan persahabatan dan keamanan," tegas beliau lagi.

Perdana Menteri juga menggariskan empat prinsip yang terpenting bagi pembinaan belia yang sistematik bagi memperolehi kehasilan maksimum untuk pembangunan negara.

Prinsip - prinsip itu ialah:

● Pemimpin - pemimpin belia semestinya mempunyai sifat - sifat kepimpinan yang matang serta mampu menggalakkan penyertaan aktif di kalangan ahlinya dalam usaha

membangunkan negara;

● Belia hendaklah sentiasa mengamalkan prinsip - prinsip Rukun Negara supaya negara dapat membangun dalam suasana yang harmoni;

● Mereka hendaklah juga sentiasa berusaha meninggikan taraf keilmuan supaya dapat menyumbangkan tenaga yang lebih berkesan kepada pergerakan belia tanahair dan antarabangsa; dan

● Belia Malaysia hendaklah menentukan nilai - nilai yang baik seperti kerajinan, disiplin, keikhlasan, kejujuran dan kebersihan menjadi sebahagian daripada nilai - nilai yang menggerakkan mereka.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, satu lagi cabaran besar yang dihadapi oleh negara ini ialah soal meningkatkan lagi perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyatnya yang majmuk.

"Tugas ini memanglah berat, tetapi ia boleh dicapai sekiranya setiap rakyat memberikan sumbangan yang ikhlas dan bersungguh - sungguh," tegasnya.

Beliau berkata, dasar - dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan merupakan dasar pokok untuk membentuk identiti Malaysia.

Dalam hal ini, katanya lagi, wajarlah bagi belia semua kaum di Malaysia mengadakan berbagai aktiviti bersama.

"Ini adalah perlu kerana sungguhpun persatuan belia membuka keahliannya kepada semua kaum, namun majoriti ahli terdiri daripada satu - satu kaum. Ada beberapa persatuan belia yang keahliannya dikhaskan kepada kaum - kaum khusus sahaja.

"Untuk memupuk semangat persaudaraan dan persefahaman di antara kaum, wajarlah bahawa usaha - usaha yang lebih dijalankan supaya belia kita dapat bercampur gaul dan beramah mesra dengan lebih meluas lagi.

"Amalan - amalan yang boleh memisahkan belia kita hendaklah diberhentikan dengan segera," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri kemudian menegur persatuan - persatuan belia dan badan - badan sukarela yang kerap mengadakan majlis jamuan makan di hotel - hotel besar untuk mengutip derma.

Beliau berharap persatuan - persatuan belia di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan kampung dapat bergerak dengan daya usaha sendiri tanpa terlalu sangat bergantung kepada bantuan orang ramai atau kerajaan.

Katanya, terlalu banyak pungutan derma sehingga untuk menghiburkan diri sendiri pun diharap para dermawan mengelurkan derma.

"Jika rancangan yang dibuat itu munasabah, pembiayaan yang tinggi tidak diperlukan. Oleh kerana jamuan diadakan di tempat - tempat terkemuka, belanja jamuan sudah tentunya tinggi dan banyak wang terpaksa digunakan.

"Sebenarnya duit derma hendaklah digunakan sepenuhnya untuk kerja - kerja amal. Persatuan belia hendaklah mengelakkan diri daripada kegiatan meminta - minta tanpa berusaha sendiri terlebih dahulu," tambahnya.